



Tatakelakuan Perniagaan

Perutusan daripada Dan Carestio, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Tatakelakuan Perniagaan STERIS (“Kod”) adalah asas kepada perilaku kita sebagai Rakan Sekerja dan cara kita berinteraksi dengan Pelanggan, pembekal, komuniti dan sesama kita. Kod ini mentakrifkan standard etika tingkah laku kita. Di STERIS, Integriti merupakan nilai teras dan kita komited untuk menjalankan kerja kita secara profesional, beretika dan sah di sisi undang-undang. Kod ini memberikan panduan untuk kita melibatkan diri dalam cara yang mencerminkan etika dan nilai kita. Kod ini juga menunjukkan arah untuk anda tujui sekiranya terdapat soalan dan cara melaporkan kebimbangan. Sempadan ini amat penting kepada dasar dan prosedur Syarikat, yang seterusnya melaksanakan garis panduan tingkah laku yang wajar dalam menjalankan perniagaan.

Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menyemak, memahami dan mematuhi Kod ini, dan bertanggungjawab untuk bersuara jika kita menyedari akan aktiviti yang tidak mematuhi Kod ini.

Terima kasih atas perkhidmatan anda kepada STERIS dan Pelanggan kita.





Bahagian	Halaman
I. Pengenalan	4
II. Misi, Visi & Nilai Kita	5-11
III. Membuat Keputusan & Jangkaan Beretika	12-13
IV. Kelestarian	14
V. Kesejahteraan Rakan Sekerja	15
VI. Kekitaan, Kepelbagaian & Keterangkuman	16
VII. Mematuhi Undang-undang & Peraturan	17-20
VIII. Pelaporan, Siasatan & Penyelesaian	21-22
IX. Ketakpatuhan	23
X. Kesimpulan	23



Pengenalan

Kod ini terpakai kepada setiap pegawai, pengarah, pengurus dan pekerja (secara kolektif, "Rakan Sekerja") STERIS plc dan anak-anak syarikat dan sekutunya (secara kolektif, "STERIS" atau "Syarikat"). STERIS menghendaki semua aktiviti perniagaan dijalankan dengan cara yang sah dari segi undang-undang serta beretika.



MISI

KAMI MEMBANTU PELANGGAN KAMI MENCIPTA DUNIA YANG LEBIH SIHAT DAN LEBIH SELAMAT dengan menyediakan produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan sains hayat yang inovatif di seluruh dunia.



VISI

KAMI BERUSAHA MENJADI SYARIKAT YANG HEBAT. Kami menyediakan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia untuk Pelanggan kami, kerja yang selamat dan menguntungkan untuk Warga kami, serta pulangan yang tinggi untuk Pemegang Saham kami.

NILAI-NILAI

1

PELANGGAN DIUTAMAKAN SENTIASA



Pelanggan kita merupakan orang yang paling penting dalam perniagaan kita dan mesti dilayani dengan penuh hormat. Selain daripada keselamatan, tiada aktiviti perniagaan yang lebih penting daripada mendengar, belajar dan menyediakan produk dan perkhidmatan yang bermutu kepada Pelanggan kami.





2 WARGA KERJA ASAS

Kami komited terhadap keselamatan dan kejayaan pekerja kami. Kami menjangka prestasi setiap pekerja meningkat secara berterusan dengan inisiatif peribadi dan sokongan yang sewajarnya. Kami melayan satu sama lain dengan rasa hormat dan kami seronok bekerja.






3 INOVASI TERBAIK

Kami merupakan pemimpin, bukan pengikut. Syarikat kami diasaskan melalui pengumpulan idea yang inovatif dan semangat untuk terus maju. Kami mencabar status quo dan mengambil risiko dengan berhati-hati, meneroka idea-idea besar dan kecil yang meningkatkan kualiti, penyampaian dan prestasi kos kami setiap hari. Kami memberikan nilai yang bererti kepada Pelanggan melalui penyelesaian produk dan perkhidmatan kami.




4 KERJA BERPASUKAN MENANG BERSAMA

Kami percaya bahawa kesepakatan tujuan dan kerja berpasukan membolehkan kami melakukan jauh lebih banyak daripada yang boleh kami lakukan secara individu. Kami meraih kekuatan daripada satu sama lain dan berkomunikasi dengan adil, terus terang, hormat dan berani – menyatakan pendapat kami dengan penuh hormat walaupun pendapat itu tidak disenangi. Kerjasama kami mengubah idea-idea yang menarik menjadi tawaran produk dan perkhidmatan yang hebat.



5
**KEBERTANG-
GUNGJAWABAN**
SEKARANG

Kami jujur apabila berbicara dan kami tunaikan komitmen kami. Kami mempertanggungjawabkan diri sendiri dan satu sama lain terhadap hasil perbuatan kami. Kami lebih suka bertindak hari ini berbanding esok. Kami faham bahawa ada nilai yang dicipta dalam pusat pembangunan produk, kilang dan di tapak Pelanggan kami.





6

INTEGRITI
KOMITMEN
PENGAWASAN

Kami adalah orang yang mengawasi kejayaan jangka panjang perniagaan ini - kami mewujudkan nilai yang lebih tinggi untuk pekerja dan pemegang saham kami. Kami boleh dipercayai dan jujur, serta menjalankan kerja kami secara profesional, beretika dan mematuhi undang-undang. Kami mencabar tindakan yang tidak konsisten dengan nilai-nilai kami.



Membuat Keputusan & Jangkaan Beretika



Kod ini tidak dapat merangkumi semua senario berkaitan etika yang anda akan hadapi sepanjang kerjaya anda di STERIS. Rakan Sekerja kami bertanggungjawab menggunakan pertimbangan terbaik mereka dan memahami waktu untuk meminta bantuan. Jika anda mendapati diri anda berhadapan dengan senario yang menimbulkan dilema etika, anda mesti:

- ✓ **Berhenti** dan fikirkan tentang situasi tersebut dan sebarang implikasi etika sebelum mengambil tindakan;
- ✓ **Menyemak semula** mana-mana dasar dan prosedur, di samping misi, visi dan nilai Syarikat;
- ✓ **Tanya** jika anda masih tidak pasti tindakan apa yang perlu diambil.

**Berhenti
& Fikir**

**Semak
Dasar**


**Minta
Bantuan**





Rakan-rakan sekerja diharapkan supaya berkelakuan dengan cara yang sesuai untuk persekitaran kerja dan selaras dengan nilai-nilai murni kami. Semua Rakan Sekerja bertanggungjawab untuk:

- ✓ Mematuhi semua undang-undang serta peraturan yang berkenaan;
- ✓ Membaca, memahami dan mematuhi Kod ini serta dasar yang berkenaan;
- ✓ Melengkapkan sebarang latihan berhubung etika dan pengendalian perniagaan yang dikehendaki pada masa yang ditetapkan, mengikut tarikh yang telah diberitahu;
- ✓ Menggunakan sumber STERIS dengan bertanggungjawab dan untuk tujuan yang berkaitan dengan kerja;
- ✓ Melaporkan tindakan atau situasi yang tidak selamat dan mengetahui tindakan apa yang perlu diambil jika anda terlibat atau anda nampak situasi yang tidak selamat;
- ✓ Elakkan dan laporkan sebarang situasi yang merupakan konflik, atau kelihatan seperti konflik, antara kepentingan peribadi dengan kepentingan Syarikat atau Pelanggannya. Konflik kepentingan termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi seperti kepentingan kewangan peribadi yang boleh menjejaskan pertimbangan perniagaan, penggunaan maklumat sulit, pekerjaan lain, keahlian atau kepentingan perniagaan yang menjejaskan prestasi kerja, serta penyalahgunaan kuasa atau pengaruh untuk kepentingan peribadi;
- ✓ Menjalankan urus niaga dengan pembekal yang bereputasi baik serta mematuhi Tatakelakuan Pembekal STERIS;
- ✓ Melaporkan isu yang mungkin timbul berhubung ketidakpatuhan terhadap Kod ini;
- ✓ Bekerjasama sepenuhnya dengan sebarang audit, pertanyaan, atau penyiasatan yang dijalankan mengikut budi bicara Syarikat; dan
- ✓ Bersuara jika terdapat kemungkinan pelanggaran terhadap undang-undang, Kod ini ataupun dasar STERIS. STERIS melarang tindakan balas terhadap sesiapa sahaja yang melaporkan sesuatu perkara dengan niat baik.



Kelestarian

STERIS fokus terhadap amalan perniagaan mampan yang berpusat di sekitar empat bidang utama:

Amalan Perniagaan Beretika

Kami mengharapkan tingkah laku beretika dalam semua urusan kami, yang merangkumi pematuhan terhadap semua undang-undang dan peraturan tatkala menjalankan urusan niaga, serta ketelusan dalam setiap tindakan.



Tenaga & Pemuliharaan

Kami komited dalam menghapuskan sisa dan menggunakan sumber secara bertanggungjawab.

Warga & Komuniti

Kami melibatkan Rakan Sekerja dengan tugas-tugas yang bermakna dan peluang pendidikan yang berterusan. Kami mendengar idea warga kami dan menggabungkannya ke dalam proses kami.



Kesihatan & Keselamatan Alam Sekitar

Kami menggalakkan budaya yang menitikberatkan keselamatan di seluruh Syarikat. Setiap orang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan satu sama lain. Kami sentiasa mengawasi situasi yang tidak selamat atau kelakuan yang tidak mesra alam dan meminimumkan atau menghapuskannya apabila dilihat.



Kesejahteraan Rakan Sekerja

Pencegahan Gangguan & Diskriminasi

STERIS berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi berdasarkan semua ciri-ciri berkenaan yang dilindungi oleh undang-undang. Gangguan dan diskriminasi terhadap ciri-ciri tersebut adalah dilarang.



Mencegah Perhambaan Moden

Seperti yang digariskan dalam dasar kami, STERIS menentang segala bentuk perhambaan, penghambaan, buruh paksa dan pemerdagangan manusia serta melarang perhambaan moden dalam operasinya, dalam rantai bekalannya dan oleh rakan perniagaan kami di seluruh dunia. STERIS melaksanakan standard buruh termasuk jam, syarat, upah, dan amalan gaji lebih masa yang mematuhi undang-undang bidang kuasa tempat kami beroperasi.

Mengelakkan Keganasan di Tempat Kerja

STERIS mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap perkara yang berkaitan dengan keganasan di tempat kerja, termasuk tindakan dan ancaman keganasan fizikal atau sebarang tingkah laku yang mengancam dan bersifat mengganggu di tempat kerja.



Kekitaan, Kepelbagaian & Keterangkuman

Di STERIS, warga kami adalah kunci kejayaan kami. Matlamat kami adalah untuk membina dan memupuk budaya global yang mencerminkan komitmen kami terhadap Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman (DE&I) yang mewujudkan perasaan bertujuan, bangga, keakraban dan kekitaan yang mendalam dalam kalangan Rakan Sekerja kami. Kami disatukan oleh komitmen bersama dalam bidang utama ini:



Kerja Berpasukan

Kami percaya bahawa kesepakatan tujuan dan kerja berpasukan membolehkan kami melakukan jauh lebih banyak daripada yang boleh kami lakukan secara individu. Kami meraih kekuatan daripada satu sama lain dan menemukan nilai dalam kepelbagaian perspektif, pengalaman dan idea Rakan Sekerja kami di seluruh dunia. Kami berkomunikasi secara adil, berterus terang, hormat dan berani.

Kepelbagaian

Kami membina dan mengembangkan pasukan yang pelbagai melalui pengambilan, pembangunan dan pengekalan individu berbakat yang mempunyai latar belakang dan pengalaman yang berbeza. Laluan kami menuju kejayaan meliputi pemahaman bahawa perwakilan dalaman mestilah mencerminkan komuniti tempat kami beroperasi.

Budaya

Kami berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran terangkum yang membuatkan Rakan Sekerja berasa selamat dan diperkasakan untuk berkongsi buah fikiran, pandangan dan idea mereka. Dalam melaksanakan perkara tersebut, kami menunjukkan rasa hormat dan penghargaan terhadap perbezaan berdasarkan identiti individu, budaya dan lain-lain di samping menghargai dan memperakui kemahiran, pengalaman dan latar belakang yang unik.



Mematuhi Undang-undang & Peraturan

Undang-undang dan peraturan global adalah kompleks, dinamik, dan berbeza antara negara. Setiap Rakan Sekerja mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan peranan mereka di setiap lokasi STERIS menjalankan perniagaan. Dalam sesetengah kes, Rakan Sekerja di luar A.S. mesti mematuhi undang-undang A.S. dan tempatan, walaupun untuk aktiviti yang dijalankan di luar negara. Perkara-perkara ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:



Antisogokan & Antirasuah

Undang-undang di seluruh dunia melarang rasuah, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Amalan Rasuah Asing dan Akta Sogokan UK. Rakan Sekerja dan pihak lain yang bertindak bagi pihak kami dilarang daripada meluluskan, membayar, menjanjikan, atau menawarkan apa-apa kepada mana-mana individu atau entiti atau daripada menyalahgunakan kuasa demi keuntungan peribadi untuk mempengaruhi mana-mana individu atau entiti secara tidak wajar dalam menjalankan perniagaan atau untuk mendapatkan kelebihan perniagaan.

Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar

Undang-undang alam sekitar serta, kesihatan dan keselamatan adalah rumit, tertakluk kepada perubahan yang kerap dan berbeza-beza mengikut negara. Pematuhan terhadap undang-undang ini menunjukkan rasa hormat terhadap alam sekitar dan antara satu sama lain. Oleh itu, dasar STERIS mungkin lebih ketat berbanding undang-undang yang berkenaan dan mesti difahami dan dipatuhi.



Harta Intelek, Maklumat Sulit & Rahsia Perdagangan



Rakan Sekerja mungkin mempunyai akses kepada maklumat sulit atau proprietari yang dimiliki oleh syarikat atau mereka yang menjalankan perniagaan dengan kami. Maklumat sulit tidak boleh dikongsi dengan pihak ketiga atau Rakan Sekerja lain melainkan terdapat keperluan yang sah untuk mengetahui dan kelulusan yang sesuai telah diperoleh. Memahami bahawa dasar dan keperluan tentang penyampaian maklumat STERIS adalah berkuat kuasa apabila Rakan Sekerja berada "dalam talian", sehingga ke takat yang sama seperti pemakaiannya di "luar talian", sama ada berkaitan dengan media sosial atau sebarang format komunikasi lain.



Perlindungan & Privasi Data

Data peribadi mesti diproses mengikut dasar kami serta undang-undang tempatan. Langkah-langkah teknikal dan organisasi yang sesuai hendaklah diambil terhadap pendedahan, pemrosesan, kehilangan atau pemusnahan tanpa kebenaran, data peribadi yang dikawal oleh STERIS. Sebarang insiden keselamatan yang disyaki mesti dilaporkan dengan segera. Data peribadi boleh dipindahkan oleh STERIS antara bidang kuasa berbeza bagi tujuan yang digariskan dalam dasar kami serta Notis Perlindungan Data Peribadi Rakan Sekerja kami.

Sumber-sumber STERIS, termasuk e-mel, mel suara, komputer dan dokumen merupakan harta Syarikat dan boleh dipantau pada bila-bila masa demi mematuhi undang-undang berkenaan. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan privasi hendaklah diajukan kepada Pegawai Perlindungan Data STERIS di dataprotection@steris.com. Rakan Sekerja mesti menghormati kerahsiaan maklumat tentang Rakan Sekerja yang lain, Pelanggan dan pihak berkepentingan utama kami dan mematuhi semua undang-undang privasi yang berkaitan.



Penggunaan Kecerdasan Buatan Beretika

STERIS menghendaki supaya Kecerdasan Buatan digunakan secara bertanggungjawab, beretika dan selamat semasa urusan perniagaan dibuat bagi pihaknya. Alat AI yang meningkatkan produktiviti dan menggalakkan inovasi tertakluk kepada semakan dan kelulusan oleh pihak pengurusan, Maklumat & Teknologi, Perundangan dan Privasi Data sebelum digunakan.

Penipuan

STERIS mewujudkan dan memantau kawalan untuk mencegah penipuan. STERIS mengharapkan semua Rakan Sekerja dapat melaporkan sebarang kejadian penipuan yang diketahui.

Pematuhan Perdagangan Global

Apabila mengimport dan mengeksport barangan dan perkhidmatan di peringkat global, kami bertanggungjawab untuk sentiasa berjaga-jaga terhadap destinasi akhir dan mengawasi sebarang peraturan antiboikot atau sekatan dagangan.



Undang-undang Anti-Trust & Persaingan

Rakan sekerja mesti melibatkan diri hanya dalam amalan persaingan beretika dan sah di sisi undang-undang. Pesaing boleh untuk tidak bersetuju atau membuat aturan:

- Tentang harga yang mereka kenakan, atau terma jualan yang lain, bagi barangan atau perkhidmatan, tidak kira kesan ekonomi;
- Tentang volum pengeluaran;
- Untuk mengelakkan persaingan dalam bida atau projek;
- Menolak untuk berurusan atau berurus niaga dengan Pelanggan atau pembekal tertentu;
- Untuk membahagikan atau memperuntukkan Pelanggan, wilayah, atau pasaran.



Maklumat Perakaunan & Pengurusan Rekod Perniagaan

Undang-undang sedia ada yang memerlukan ketepatan dalam merekodkan semua transaksi, termasuk jualan harta, inventori atau perkhidmatan. Tindakan memalsukan rekod, transaksi "di luar rekod", transaksi yang tidak didedahkan, atau memusnahkan dokumen untuk mengelakkan tanggungjawab undang-undang boleh membawa kepada liabiliti sivil atau jenayah.

Kualiti

Mematuhi kawalan kualiti berhubung kelulusan pengawalseliaan produk dan keperluan amalan pembuatan yang baik. Pemasaran produk dan perkhidmatan STERIS mesti dilakukan secara jujur dan berintegriti.




Perdagangan Orang Dalam

Semua Rakan Sekerja STERIS dilarang daripada terlibat dalam transaksi sekuriti Syarikat semasa memiliki maklumat bukan awam yang penting dan mungkin juga dilarang daripada terlibat dalam transaksi semasa tempoh "pemadaman" tertentu. Menyediakan (atau "memberi tip") maklumat bukan awam yang penting kepada orang lain juga dilarang. Contoh maklumat bukan awam yang penting termasuk data kewangan yang tidak diterbitkan, urus niaga Syarikat yang belum selesai (contohnya, pengambilalihan, divestasi), perkembangan litigasi, penyiasatan kerajaan dan perubahan kepada strategi perniagaan. Kegagalan mematuhi dasar ini boleh menyebabkan sekatan serius oleh Syarikat sehingga dan termasuk penamatan.



Berurusan dengan Kerajaan & Aktiviti Politik

Kontrak dengan entiti kerajaan adalah penting untuk perniagaan STERIS. STERIS dan wakilnya mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan berhubung dengan kontrak dan hubungan kerajaan dengan pegawai kerajaan di seluruh dunia. Rakan Sekerja mesti mematuhi dasar STERIS untuk menjamin pematuhan dengan keperluan khas ini.



Bayaran, Hadiah, Makanan dan Ganjaran: Secara umum, Rakan Sekerja tidak boleh memberikan atau menawarkan untuk memberikan apa-apa yang bernilai (termasuk hadiah, ganjaran, makanan, hiburan, perjalanan, dll.) kepada pegawai kerajaan, kakitangan, atau ejennya.

Pengambilan: Rakan sekerja tidak boleh membincangkan pekerjaan dengan pegawai kerajaan semasa atau bekas pegawai kerajaan tanpa kelulusan Jabatan Undang-undang.

Rakaman Kos: Rakan Sekerja mesti mengikuti prosedur pelaporan dan mengekalkan rekod yang betul dan tepat untuk kos yang diperuntukkan kepada kontrak kerajaan.

Sumbangan Politik: Sumbangan korporat kepada calon politik lazimnya dihadkan atau dilarang. Penggunaan sumber STERIS untuk kempen politik perlu mendapat kelulusan Jabatan Undang-undang dan Ketua Pegawai Eksekutif. Rakan Sekerja boleh membuat sumbangan politik secara sukarela atas kapasiti individu, atau jika layak, melalui Jawatankuasa Tindakan Politik Pekerja STERIS.

Interaksi dengan Ahli Profesional Penjagaan Kesihatan

Kita tidak boleh cuba mempengaruhi ahli profesional penjagaan kesihatan secara tidak wajar untuk membeli, menggunakan, atau mengesyorkan produk kita. Berhati-hati apabila berinteraksi dengan Ahli Profesional Penjagaan Kesihatan. Interaksi sedemikian tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan peraturan serta kod etika persatuan industri perdagangan. STERIS mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan dalam semua kod industri serantau berhubung interaksi seperti Advanced Medical Technology Association (AdvaMed), APACMed, MedTech Canada, MedTech Europe dan banyak lagi. Salinan kod ini boleh didapati dalam talian.



gangguan

penipuan

buli

rasuah

konflik kepentingan

diskriminasi

Bersuararalah

Jika anda nampak sebarang aktiviti yang mungkin tidak beretika atau menyalahi undang-undang, *Bersuararalah!*

Laporkan kebimbangan anda kepada Penyelia anda, Pengurus lain, Sumber Manusia, Pematuhan Global, Audit Dalaman, atau Jabatan Perundangan, atau gunakan Talian Bantuan Integriti STERIS melalui telefon atau borang dalam web.



**IMBAS
SAYA**



ATAU LAWATI:

steris.ethicspoint.com

**DAPATKAN
BANTUAN 24/7
MELALUI TELEFON
ATAU BORANG WEB**

Navex Global ialah penyedia perkhidmatan pelaporan bebas. Apabila anda menghubungi mereka, anda tidak perlu memberikan nama anda. Borang web tersuai atau pakar temu duga profesional akan mendokumentasikan kebimbangan anda dan menyampaikan maklumat kepada organisasi kami untuk tindakan susulan.

Pelaporan, Siasatan & Penyelesaian

Tanggungjawab Pelaporan

Rakan Sekerja bertanggungjawab untuk “Bersuara” dan melaporkan sebarang pelanggaran Kod yang diketahui atau disyaki.

Pelaporan

Rakan sekerja boleh mengemukakan kebimbangan atau membuat laporan melalui pelbagai saluran, termasuk secara langsung kepada Penyelia mereka. Semua Penyelia bertanggungjawab untuk menangani atau mengajukan kebimbangan, laporan atau dakwaan dengan sewajarnya. Saluran pelaporan mungkin termasuk:

- Penyelia Anda
- Pengurus Lain
- Sumber Manusia
- Pematuhan Global
- Audit Dalaman
- Jabatan Perundangan
- [Talian Bantuan Integriti STERIS](#)



Anda boleh membuat laporan tanpa nama melalui Talian Bantuan Integriti STERIS. Sekiranya anda dengan rela hati mendedahkan identiti anda, identiti anda akan dirahsiakan ke tahap maksimum yang mungkin.

Antitindakan balas

STERIS melarang tindakan balas terhadap sesiapa sahaja kerana melaporkan dengan niat baik, pelanggaran Kod ini sama ada yang sebenar atau disyaki. Perkara ini juga terpakai kepada Rakan Sekerja yang membantu siasatan.

Penyiasatan

Laporan akan disiasat dengan segera untuk maklum balas atau susulan.

Penyelesaian

Laporan yang disertakan bukti akan diselesaikan melalui tindakan segera dan sewajarnya. Jika sesuai, dan setakat yang kami mampu, STERIS akan memaklumkan kepada pelapor tentang penyelesaian tersebut.



Ketakatpuhan

Rakan Sekerja yang gagal mematuhi Kod ini boleh dikenakan tindakan tatatertib, termasuk penamatan. Pelanggaran Kod ini boleh mengakibatkan liabiliti sivil dan jenayah peribadi.



Kesimpulan

STERIS komited terhadap Rakan Sekerja kami dan entiti yang menjalankan perniagaan dengan kami. Syarikat yakin bahawa Rakan Sekerja akan kekal jujur, hormat, dan bertanggungjawab dalam semua tingkah laku perniagaan. Kod ini meringkaskan jangkaan etika untuk kelakuan yang mesti difahami dan diamalkan oleh semua Rakan Sekerja. Dasar yang menyokong Kod ini boleh didapati melalui intranet STERIS.



STERIS plc • 70 Sir John Rogerson’s Quay, Dublin 2 • Ireland • 800-548-4873 • www.steris.com Didaftarkan di Ireland No. 595593 Dokumen # M3936ENRev.H ©2024 STERIS. Hak cipta terpelihara.